

Dr. Mahathir diminta tidak campuri urusan negara

um- 4/5/2006

KUALA LUMPUR 3 Mei - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz (*gambar*) meminta Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkotakan janjinya untuk tidak mencampuri urusan pentadbiran negara selepas bersara.


"Ini adalah harapan saya dan rakan-rakan dalam Kabinet supaya bekas Perdana Menteri itu tidak campur tangan dalam keputusan kerajaan untuk menghentikan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

"Tindakan beliau seolah-olah memperkecilkan kerajaan yang ada sekarang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Isu itu dicetuskan oleh beberapa Ahli Parlimen mewakili penyokong kerajaan dan pembangkang ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2005 di Dewan Rakyat di sini.

Mereka meminta penjelasan daripada JPM berhubung perbalahan yang berlaku antara Dr. Mahathir dan kerajaan mengenai isu jambatan tersebut.

Dalam hal ini, menurut Mohamed Nazri, beliau tidak mempunyai kepentingan peribadi, begitu juga dengan Dr. Mahathir



Saya bertanggungjawab sepenuhnya atas tindakan menjawab kritikan Dr. Mahathir ini dan meminta segala janjinya semasa bersara dikotakan

MOHAMED NAZRI AZIZ
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

dan cuma mempertahankan pendirian kerajaan.

"Saya bertanggungjawab sepenuhnya atas tindakan menjawab kritikan Dr. Mahathir ini dan meminta segala janjinya semasa bersara dikotakan," katanya.

Tambahnya, Dr. Mahathir pernah berjanji tidak akan campur tangan seperti

mana dilakukan oleh bekas Ketua Menteri Sarawak, Tun Abdul Rahman Yaakub terhadap Ketua Menteri sekarang.

Jelasnya, Dr. Mahathir tidak mahu dirinya menjadi seperti apa disifatkannya sebagai 'sindrom Tun Rahman'.

Bagaimanapun, secara peribadi Mohamed Nazri berkata, beliau menghormati Dr. Mahathir sebagai seorang yang telah banyak berjasa kepada rakyat dan negara.

Namun katanya, itu tidak bermakna beliau (Dr. Mahathir) diberi kuasa untuk mengkritik tanpa mengundang jawapan daripada sesiapa yang mempertikaikan kritikan beliau, terutama sekali hak kerajaan untuk membela diri.

Ditanya adakah selepas ini Dr. Mahathir tidak perlu memberi sebarang pandangan atau kritikan terhadap kerajaan, Nazri berkata, ia adalah hak beliau untuk mengkritik.

"Sekiranya Dr. Mahathir menjawab kritikan saya ini maka saya akan jawab balik. Kita tengok siapa yang letih.

"Kalau kritikan itu ikhlas dan dibuat secara perbincangan, kita boleh terima, sebaliknya beliau memilih akhbar. Jadi hak saya untuk menjawab dalam akhbar juga," jelasnya.

Mengenai tuduhan Dr. Mahathir bahawa Kabinet hanya berminat untuk menjual pasir, Mohamed Nazri berkata, itu adalah satu tuduhan liar dan tidak bertanggungjawab.

Jelasnya, kerana tidak mahu menjual pasir, kerajaan menolak jambatan bengkok.

Ditanya kemungkinan kritikan itu seperti seorang ayah menasihatkan anaknya (Menteri Kabinet), beliau menjawab, Dr. Mahathir sepatutnya mengkritik secara senyap.